

23/05/2000

Jangan terus tolak idea: PM

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pegawai kerajaan supaya tidak terus menolak idea yang difikir tidak akan berjaya, terutama dalam bidang teknologi tinggi, sebaliknya mesti menimbang dan mengkajinya terlebih dahulu.

"Idea baru mungkin tidak munasabah atau masuk akal tetapi kadang kala ia boleh menghasilkan keputusan yang baik jika dilaksanakan.

"Adalah lebih menguntungkan untuk berfikiran terbuka. Sesetengah idea mungkin tidak berguna, kita tidak tahu sehingga kita mengujinya," katanya kepada ahli Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) di sini, hari ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir, yang juga penaung Might diberi taklimat mengenai kegiatan Might dan dialog rakan kongsi bijak oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Ahmed Tasir Lope Pihie dan Pengerusi Bersama Might, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman.

Perdana Menteri berkata, idea baru jika tidak diambil kira akan menyebabkan negara hilang peluang yang boleh dimanfaatkan.

"Orang ramai, termasuk pegawai kerajaan mungkin sudah mendengar mengenai teknologi tinggi tetapi mereka mesti mengakui bahawa mereka tidak mengetahui setiap perkara mengenainya.

"Pegawai kerajaan mungkin tidak banyak mengetahui secara khusus atau bidang tertentu teknologi tinggi untuk membuat penilaian dan keputusan sama ada ia (idea baru) yang harus disokong atau dibantu," katanya.

Katanya, oleh kerana itu mereka mungkin ragu-ragu untuk menyokong idea baru itu, dan dengan itu menghalang pelaksanaan projek yang dicadangkan.

Beliau berkata, apabila projek ini gagal dilaksanakan, negara akan kerugian daripada segi kutipan cukai dari sektor swasta.

Dr Mahathir juga mendedahkan bahawa beliau sentiasa berfikiran terbuka apabila orang ramai mengetengahkan idea baru kepadanya.

Katanya, kebanyakan idea itu seperti Might, Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Wawasan 2020 adalah idea orang lain yang dikemukakan kepada beliau.

"Saya mengamalkan sikap positif dan akhirnya idea ini diterima dan memberikan hasil dan saya mendapat pujian kerananya. Saya tidak kisahlah," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia boleh membangun dengan kadar yang cepat jika negara sanggup menerima idea pelik.

"Idea seumpama ini menghasilkan perkara baru yang tidak pernah difikirkan sebelum ini seperti telefon bimbit dan membersihkan udara tercemar dengan penyemburan air dari bangunan tinggi dan hujan tiruan.

"Saya adalah seorang daripada mereka yang mempunyai idea tidak masuk akal," katanya yang mendedahkan bahawa beliaulah yang mencadangkan supaya kren menara kawalan jauh digunakan bagi pembinaan bangunan pencakar langit.

Katanya, sebagai Perdana Menteri, beliau bernasib baik dapat 'memaksa' orang lain melakukan kerja yang dianggap pelik tetapi selepas dilaksanakan, hasilnya masuk akal.

Perdana Menteri berkata, falsafah di belakang persyarikatan Malaysia ialah kerjasama rapat antara kerajaan dan sektor swasta dalam membangunkan negara serta meningkatkan produktiviti.

Tidak seperti imperialis yang mendapat kekayaan dengan memiskinkan negara lain, beliau berkata, Malaysia yakin dengan memakmurkan pihak lain

ia dapat memakmurkan dirinya melalui kerjasama dan tidak menerusi pendekatan konfrontasi.

Beliau berkata, kaedah konfrontasi tidak akan mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak seperti apa yang boleh dilihat daripada tindakan menurunkan mata wang oleh pedagang ketika krisis kewangan baru-baru ini.

(END)